

# Mangsa di pusat banjir berkurangan

um 31/1

JOHOR BAHRU 30 Jan. - Mangsa banjir yang masih berada di pusat pemindahan di daerah Batu Pahat telah ber- kurangan kepada 22,180 orang pada hari ini.

Jurucakap Ibu Pejabat Kontinjen Polis di sini memberitahu, jumlah itu mewakili 5,229 keluarga di 52 pusat pemindahan sehingga pukul 6 petang ini.

Beliau menambah, perkembangan itu menyaksikan sebanyak 140 pusat pemindahan telah ditutup apabila mangsa dibenarkan pulang ke rumah masing-masing sejak beberapa hari lalu.

"Sehingga petang ini seramai 60,552 mangsa banjir telah pulang untuk memulakan kehidupan baru selepas bencana tersebut," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Menurutnya, jalan-jalan yang sebelum ini ditutup telah dibuka semula kepada semua jenis kenderaan.

Jurucakap itu memberitahu, seramai 141,637 mangsa melibatkan 32,862 keluarga telah pulang sejak gelombang banjir kedua melanda Johor pada 11 Januari lalu.